



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 43 / 2025

PELAKSANAAN URUSAN SEMAKAN
DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN NOVEMBER
TAHUN 2025 (DPT BLN11/2025)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa **Daftar Pemilih Tambahan Bulan November Tahun 2025 (DPT BLN11/2025)** telah diperaku pada **22 Disember 2025** dan diwartakan pada **23 Disember 2025**. DPT BLN11/2025 ini dibuka untuk semakan **selama 30 hari mulai 23 Disember 2025 hingga 21 Januari 2026**.
2. DPT BLN11/2025 ini mengandungi **40,482** nama warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 November 2025 hingga 30 November 2025** yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu, **14,131** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan **1,303** orang pemilih bertukar kategori pengundi/ status.
3. SPR menyediakan lima (5) kaedah semakan bagi DPT BLN11/2025 iaitu seperti berikut:
 - (a) Portal SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau **<https://mysprsemak.spr.gov.my>**;
 - (b) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan **<http://ppn.spr.gov.my>**;
 - (c) Aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>**;
 - (d) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**; atau
 - (e) Hotline Semakan Pendaftaran Pemilih di talian **03-8892 7218**.

4. SPR menyeru kepada warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 November 2025 hingga 30 November 2025** dan mana-mana pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran kategori pengundi/ status untuk menyemak nama mereka dalam **DPT BLN11/2025**. Sekiranya mereka mendapati namanya tidak disenaraikan dalam DPT BLN11/2025, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C** melalui aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>** atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
5. Di samping itu, mana-mana pemilih berdaftar di sesuatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya dengan mengisi **Borang D** melalui aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>** atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
6. Borang C dan Borang D juga boleh **dimuat turun dari portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri berkenaan untuk membuat serahan dan membayar fi bantahan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja sepanjang tempoh semakan DPT BLN11/2025.**
7. Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan DPT BLN11/2025 ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau hubungi SPR di talian **03-8892 7218** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

23 Disember 2025 / 2 Rejab 1447H